

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Bahasa Arab Tinggi 2361/1 ini terdiri daripada tiga bahagian.

- Bahagian A menulis karangan di mana 4 tajuk soalan dikemukakan dan calon diminta memilih satu tajuk sahaja dengan bilangan patah perkataan tidak kurang daripada seratus lima puluh.
- Bahagian B satu petikan diberi dan calon dikehendaki meringkaskan petikan tersebut kepada tidak melebihi lapan puluh patah perkataan.
- Bahagian C calon dikehendaki menterjemah petikan bahasa Melayu kepada bahasa Arab. Semua soalan ini wajib dijawab.

Masa yang diperuntukkan untuk menjawab kertas ini ialah selama 2 jam (Dua Jam). Soalan pertama diperuntukkan 40 markah. Sementara soalan kedua dan ketiga diperuntukkan 30 markah. Soalan adalah berbentuk subjektif dan dikemukakan mengikut aras yang telah ditetapkan oleh penggubal berdasarkan Jadual Spesifikasi Ujian (JPU) yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan kandungannya merangkumi sukatan pelajaran dan kurikulum tingkatan 4 dan 5.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara umumnya pencapaian calon dalam kertas ini adalah baik. Calon memahami kehendak soalan dengan baik dan menjawabnya dengan tepat, padat dan jelas, menyusun isi dan fakta dengan teratur, sistematik dan kemas. Setiap huraian dikuatkan dengan fakta dan hujah terutama dalam menulis karangan dan dapat meringkas dengan baik dalam meringkas karangan serta mampu menterjemah teks dengan baik menggunakan bahasa yang sesuai di bahagian terjemahan.

PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon dalam Kumpulan Tertinggi**

Calon dapat menulis karangan, meringkas dan menterjemah dengan tepat, kemas dan teratur mengikut peraturan pemarkahan jawapan calon jelas dan dikuatkan dengan penggunaan nahu yang betul di semua bahagian. Calon didapati mempunyai persediaan yang baik dan menguasai kertas ini dengan baik.

Calon dalam Kumpulan sederhana

Calon dalam kumpulan ini menjawab dengan baik tetapi nahunya agak sederhana, lemah dalam karangan dan terjemahan. Dalam meringkas biasanya calon terpengaruh dengan teks asal dan kesalahan yang ketara ialah bilangan patah perkataan lebih daripada yang dikehendaki, ini menyebabkan markah dipotong. Dalam bahagian terjemahan calon tidak mampu menterjemah seluruh fakta yang diminta.

Calon dalam Kumpulan Terendah

Calon dalam kumpulan ini tidak menjawab semua soalan. Ada yang menjawab hanya dua atau satu soalan sahaja. Itu pun tidak tepat, nahunya lemah dalam bahagian karangan dan terjemahan, serta bilangan patah perkataan dalam bahagian karangan terlalu kurang. Terdapat juga calon menyalin semua petikan dalam bahagian meringkas. Dalam karangan pula ada calon yang karangannya terkeluar tajuk atau terpesong kerana mereka menulis apa yang mereka ingat sahaja.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1 (Menulis Karangan)

Calon cemerlang memahami kehendak soalan, penggunaan bahasa yang baik, idea yang jelas dan bernas. Bilangan patah perkataan melebihi 200 patah di bahagian karangan. Calon yang sederhana dan lemah tidak memahami kehendak soalan, kesalahan nahu terlalu ketara, bilangan patah perkataan terlalu sedikit. Terdapat calon yang menulis karangan yang terkeluar tajuk atau terpesong terus. Terdapat juga calon yang tidak dapat membezakan antara “muannas” dan “muzakkar”, “jama” dan “mufrad”, serta penggunaan bahasa yang tidak tepat.

Soalan 2 (Meringkas Karangan)

Calon cemerlang mampu meringkaskan petikan dengan menggunakan gaya bahasa sendiri, memilih perkataan yang sesuai serta tidak terdapat langsung kesalahan nahu dan uslub di samping bilangan patah perkataan melebihi daripada 80 patah perkataan. Calon yang lemah, ia meringkas petikan dengan menyalin semula perkataan dalam teks tanpa pengolahan sendiri. Fakta tidak difahami dengan baik, ayat tergantung disebabkan calon tidak memahami teks sebenarnya. Terdapat calon yang meringkaskan karangan melebihi 120 patah perkataan dan menyalin semula perkataan yang terdapat dalam teks yang perlu diringkas daripada awal hingga akhir.

Soalan 3 (Terjemahan)

Calon cemerlang mampu menterjemahkan keseluruhan teks dengan menggunakan bahasa yang tepat, kesalahan nahu terlalu sedikit, tidak terdapat kesalahan ejaan dan gaya bahasa. Calon yang lemah tidak mampu menterjemah seluruh petikan, penggunaan bahasa tidak sesuai, kesalahan nahu terlalu ketara, penggunaan perkataan bahasa Malaysia pada tempat yang calon tidak dapat menulis dalam bahasa Arab. Terdapat juga calon hanya menterjemah satu atau dua ayat sahaja. Ramai juga calon yang tidak menjawab bahagian ini. Calon menggunakan istilah yang tidak tepat, dan mengabaikan kaedah nahu yang menjadi asas kepada pemahaman penulisan. Ejaan yang tidak tepat, gaya bahasa yang tidak difahami oleh orang Arab.

SARANAN KEPADA CALON

1. Fahami kehendak soalan sebelum menjawab.
2. Tingkatkan penguasaan dalam bahagian nahu.
3. Beri penekanan terhadap soalan terjemahan.

4. Jawab semua soalan.
5. Gunakan bahasa Arab yang baru dipelajari dalam bentuk penggunaan ayat
6. Berbangga dengan bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan bahasa agama Islam
7. Beri penumpuan sepenuhnya semasa belajar dalam kelas.
8. Semak jawapan yang telah dibuat agar tiada perkataan penting yang tertinggal yang boleh menjejaskan jawapan yang diberi.
9. Baca soalan berulang kali dan faham kehendak soalan untuk mengelakkan kekeliruan.
10. Jangan hanya menyalin soalan sahaja, cuba jawab setakat yang mampu.
11. Ikat kertas jawapan dengan kemas supaya tidak terurai.
12. Menghafaz surah pendek daripada al-Quran.

SARANAN KEPADA GURU

1. Sentiasa memberi motivasi ke arah pembelajaran bahasa Arab bagi soalan berkaitan dengan istinbat hukum.
2. Permudahkan pendekatan pembelajaran bahasa Arab.
3. Para calon perlu didedahkan dengan cara/teknik menjawab soalan dengan baik.
4. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), guru hendaklah sentiasa mengemukakan contoh soalan sebenar kepada calon supaya mereka dapat memahami kehendak soalan dan tahu cara menjawab yang betul.
5. Menekankan isu semasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan mempelbagaikan Bahan Bantu Belajar (BBM) untuk membantu kefahaman calon.
6. Sentiasa mengenalpasti kelemahan calon terutama dalam topik tertentu melalui ujian topikal dan latih tubi yang diadakan.
7. Perbanyakkan latih tubi.
8. Meminta calon menyediakan nota ringkas.